



# PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA (MALAYSIA SECURITY INDUSTRY ASSOCIATION)

NOMBOR PENDAFTARAN: PPM-002-10-1 1031980 / WWW.PIKM.MY

*Presiden*  
MOHAMMAD UBAIDILLAH BIN ENAM @  
IMAN

*Timbalan Presiden*  
BRIG. JEN. DATO' ZAINAL BIN ABD  
RAHMAN TUDM (B)

*Naib Presiden*  
DATO' HJ. JAAFAR BIN HJ. MAT  
AINI SURAYA BINTI DATUK OSMAN  
SHAH JAHANKHIR BIN HAMEED

*Setiausaha Kehormat*  
HABIBULLAH BIN DATO' HJ AHMAD

*Bendahari Kehormat*  
DATIN MAHFUZH ZAKKIAH BINTI HJ  
ABDAIN

*Penolong Setiausaha*  
ASSYANUR NASYRAH BINTI ISHAK

*Penolong Bendahari*  
IR. SOFIA BINTI DATO' IR. JOHARI

*Ahli-ahli Jawatankuasa*  
HAJI KHAIDZER BIN HAJI KEDAH  
ARIF IZUDDIN BIN MOHD RADZALI  
DATUK AZLINDA BINTI ZUBIR  
MEJAR JEN. DATO' PAHLAWAN HJ. ABU  
SUFIAN BIN HJ. AHMAD (B)  
DATO' ROSMARAYU BINTI MOKHTAR  
DATO' MOHID BIN MOHAMED  
AISHAH BINTI MAT DESA  
DATUK M. SHANKER RAJ AYANGER  
ADILA BIN DATO' ABDULLAH

*Juruaudit Dalaman*  
MOHD HODORI B. SARBINI  
ZAINAL ABIDIN BIN MD KASIM

*Pengerusi WP Kuala Lumpur & Putrajaya*  
DATUK BALDEV SINGH KAILAY A/L DR  
KARPAL SINGH

*Pengerusi Negeri Selangor*  
DATO' DR. S. PRABAKARAN

*Pengerusi Negeri Johor*  
DATUK HJ. MHD. TAHIR B. HJ. MOHD NOAH

*Pengerusi Negeri Perak*  
NOOR SUHAILA BINTI MARSIDI

*Pengerusi Negeri Kelantan*  
MOHAMMAD ATIF NADDEEM BIN KAMAL

*Pengerusi Negeri Terengganu*  
CHE MOHAMAD NOOR BIN HUSAIN

*Pengerusi Negeri Pahang*  
MOHAMAD TARMIZI B. MOHAMAD GHANI

*Pengerusi Negeri Pulau Pinang*  
MUHAMMAD SYAFIQ B. HJ. ISHAK

*Pengerusi Negeri Kedah & Perlis*  
DATO' HJ. MD ROSLI BIN HJ. ABD WAHAB

*Pengerusi Negeri Melaka*  
DATO' SRI GAN PENG LAM

*Pengerusi Negeri Sembilan*  
DATO' MOHAMED ASLAM BIN SERAJA DIN

*Pengerusi Negeri Sabah*  
MOHD ISMAIL BIN HJ. AYOUB

*Pengerusi Negeri Sarawak*  
ABDUL HASSAN BIN BAKONG

*Sekretariat*

*Pengurus Besar*  
JEFF NOR JETTEY

PIKM/SEKRETARIAT/EDARANAHLI/2024(21)

8 MEI 2024

## SEMUA AHLI PIKM (U/P: Pengarah Urusan)

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

### SURAT EDARAN PIKM KE-21/2024:

### MAKLUM BALAS MAKLUMAT BAKI KUOTA PENGAMBILAN PENGAWAL KESELAMATAN WARGANEGARA NEPAL YANG BELUM DIBAWA MASUK KE MALAYSIA

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa sehingga tarikh surat ini dikeluarkan, Kementerian Dalam Negeri (KDN) masih kekal dengan keputusannya berkaitan pengambilan pekerja asing, termasuk pengawal keselamatan dari Nepal. Ini terangkum dalam kenyataan media Menteri Dalam Negeri bertarikh 4 April 2024.

3. Keputusan yang telah dibuat adalah seperti berikut:

3.1 Baki kuota penggajian pekerja asing yang masih aktif dan telah dibayar levi tetapi masih belum dikeluarkan Visa Dengan Rujukan (VDR) pada **31 Mac 2024 akan dibatalkan** dengan bayaran levi kuota dikembalikan kepada majikan; dan

3.2 Tarikh akhir kemasukan pekerja asing yang telah dikeluarkan VDR adalah pada **31 Mei 2024**.

4. Pelbagai usaha dan permohonan telah dilaksanakan oleh Persatuan melalui surat dan mesyuarat, namun tidak menerima maklum balas rasmi daripada Kementerian.

5. Sementara itu, **ahli-ahli diminta memberi maklum balas berkaitan jumlah baki kuota pengambilan pengawal keselamatan Nepal bagi dua (2) kategori seperti berikut:**

5.1 **Mempunyai baki kuota pengawal keselamatan Nepal dengan VDR yang telah dikeluarkan, namun belum dibawa masuk ke Malaysia; dan**

5.2 **Mempunyai baki kuota pengawal keselamatan Nepal, tetapi belum sempat melaksanakan proses seterusnya, termasuk belum diterbitkan VDR.**

6. Data-data tersebut perlu dikemukakan **sebelum 14 Mei 2024 (Selasa), jam 2.00 petang** melalui pautan berikut: <https://forms.gle/k4My6YPUF9ytLqJfA>. Semua data yang dikumpulkan akan dikemukakan kepada KDN bagi permohonan pelanjutan tarikh akhir kemasukan pengawal keselamatan Nepal, tertakluk kepada keputusan dan kelulusan KDN.
7. Sebarang maklum balas rasmi yang diterima daripada pihak Kementerian akan dimaklumkan kepada ahli-ahli.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



**MOHAMMAD UBAIDILLAH BIN ENAM @ IMAN  
PRESIDEN**